



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
SMK BANDAR UTAMA DAMANSARA 3
SEKOLAH KLUSTER KECEMERLANGAN
PERSIARAN BUKIT UTAMA,
47800 PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN
TEL : 03-77276166



Rujukan Kami : SMKBU3/600-4/1()
Tarikh : 13 JANUARI 2021

Kepada,
Ibu bapa / Penjaga Murid,
SMK Bandar Utama Damansara 3

Tuan,
SESI PERSEKOLAHAN TAHUN 2021 DAN AMALAN NORMA BAHARU DI SEKOLAH

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sesi persekolahan tahun 2021 akan dimulakan dengan kehadiran **SECARA BERSEMUKA** murid-murid Tingkatan 5 (2020) dan Tingkatan 5(2021) mulai 20 Januari 2021 (Rabu). Sekolah kekal beroperasi pada sesi pagi sahaja. Waktu persekolahan yang ditetapkan adalah seperti berikut :

Isnin , Selasa dan Khamis	: 7.20 pagi – 1.30 petang / 2.00 petang
Rabu :	: 7.20 pagi – 1.30 petang
Jumaat	: 7.20 pagi – 12.30 tengah hari

***Waktu Operasi Semua Pintu Masuk Sekolah ditetapkan :**

Pagi :	7.00 pagi – 7.20 pagi
Petang :	1.30 ptg – 2.20 petang (kecuali Jumaat : 12.30 tgh)

***Semua aktiviti luar bilik darjah dan Kokurikulum masih DITANGGUHKAN.**

3. Pihak sekolah sentiasa berusaha mematuhi sepenuhnya Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah seperti yang diarahkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Sehubungan itu, kerjasama tuan /puan amat diharapkan untuk mengambil tindakan berikut :

- i- Memastikan anak / jagaan berada dalam keadaan **SIHAT**, menjaga kebersihan diri dan tidak menunjukkan gejala awal Covid-19 sebelum **HADIR** ke sekolah.
- ii- Menghantar dan mengambil sendiri anak/jagaan di sekolah /dan memastikan penjarakan sosial diamalkan di dalam bas / van sekolah.
- iii- Menyediakan bekalan makanan dan minuman untuk anak / jagaan. Pihak kantin hanya dibenarkan menjual makanan berbungkus. Tempahan makanan akan dibuat setiap pagi. Murid akan makan di dalam kelas dengan pengawasan guru. Amalan berkongsi makanan dan minuman serta peralatan **TIDAK DIBENARKAN**.
- iv- Membantu anak / jagaan belajar mengikut kemampuan ibu bapa / penjaga.
- v- Memberikan motivasi kepada anak / jagaan untuk terus belajar.

4. Untuk memastikan keselamatan dan kesihatan murid, guru dan warga sekolah diutamakan semasa mereka berada di sekolah, pihak sekolah akan melaksanakan tindakan berikut :

- i- Membuat saringan suhu badan diambil di semua pintu masuk sekolah dengan memastikan mana-mana individu dengan **suhu 37.5°C** dan ke atas **TIDAK DIBENARKAN MASUK**.
- ii- Memastikan pematuhan penjarakan sosial dan amalan kebersihan tangan
- iii- Menggalakkan pemakaian pelitup muka khusus bagi individu berimuniti rendah
- iv- Membuat hebahan berkenaan penjagaan kesihatan dan keselamatan diri
- v- Melaksanakan Ujian Minda Sihat secara berkala

5. Sejarar dengan pengumuman yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, murid-murid **Tingkatan 1, 2, 3 dan 4 Tahun 2021** akan mengikuti sesi Pengajaran dan Pembelajaran dari Rumah (PdPR) dengan pematuhan Manual Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah, Kementerian Pendidikan Malaysia. Urusan pemulangan buku teks tahun 2020 dan pengagihan buku teks 2021 akan dilaksanakan sebaik sahaja sekolah dibuka. Jadual Pemulangan dan Pengagihan Buku Teks yang terkini akan dimaklumkan kemudian bagi mematuhi **Arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan mulai 13 Januari 2021 hingga 26 Januari 2021**.

6. Besarlah harapan kami agar pihak tuan dapat memastikan anak / jagaan tuan / puan khususnya murid **Tingkatan 5 (2020) dan Tingkatan 5 (2021)** hadir ke sekolah kerana sesi pembelajaran akan diadakan secara bersemuka sepenuhnya. Pihak sekolah akan memberikan maklumat terkini kepada tuan / puan dari semasa ke semasa. Segala kerjasama tuan / puan amat kami hargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



HAJAH ROS BINTI LIZAN
Pengetua Cemerlang DG54
SMK Bandar Utama Damansara 3
Sekolah Kluster Kecemerlangan

s.k 1. Fail